Kertas 1

Bahagian A **Sistem Bahasa**

Soalan 1 – 2

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang **paling sesuai**.

1 Banyak aspek yang perlu dilakukan untuk _____ kemasukan pelancong dari Asia Barat.
- **A** tertarik
- **B** menarik
- **C** penarikan
- **D** bertarik-tarikan

2 Negara Malaysia sesuai sebagai destinasi pelancongan kesihatan _____ terdapat banyak pusat perubatan yang lengkap dengan peralatan canggih.
- **A** agar
- **B** sebab
- **C** kerana
- **D** semoga

Soalan 3 – 4

Ayat-ayat di bawah **mungkin betul** *dan* **mungkin salah**. *Jika* **terdapat kesalahan**, *kesalahan itu telah ditandakan dengan* **A**, **B** *atau* **C** *dan jika tiada kesalahan telah ditandakan dengan* **D**.
Pilih jawapan yang **paling sesuai**.

3 Gua Niah menjadi (A) destinasi pelancongan kerana merupakan (B) sebuah gua yang terbesar sekali (C) di Malaysia. Tiada kesalahan (D).

4 Rakyat Malaysia digalakkan melancong di dalam (A) negara bagi menghayati keindahan alam semulajadi (B) dan mengurangkan (C) aliran tunai ke luar negara. Tiada kesalahan (D).

Soalan 5 – 6

Bahagian yang **bergaris** *dalam ayat-ayat berikut* **mungkin mengandungi kesalahan** *penggunaan bahasa atau* **mungkin juga tidak**.
Tandakan sama ada **A**, **B** *atau* **C** *jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan* **D** *jika* **tiada kesalahan**.

5 Selain daripada menyediakan tempat penginapan, inap desa yang diusahakan oleh Liza juga menyediakan rombongan lawatan untuk pelancong.
- **A** Selain tempat menyediakan penginapan
- **B** Selain menyediakan tempat penginapan
- **C** Selain dari menyediakan tempat penginapan
- **D** Selain daripada menyediakan tempat penginapan

6 Hayati akan memperbesarkan lagi inap desanya bagi menampung bilangan pengunjung yang semakin banyak.
- **A** memperbesar inap desanya
- **B** memperbesar inap desanya lagi
- **C** memperbesarkan inap desanya lagi
- **D** memperbesarkan lagi inap desanya

Soalan 7

Pilih **maksud peribahasa** *yang* **paling sesuai**.

7 Peribahasa *jauh perjalanan, luas pengalaman* membawa maksud
- **A** semakin jauh kita menjelajah, semakin dalam dan luas pemikiran kita
- **B** mendapat sesuatu pengetahuan dengan berjalan jauh
- **C** memperoleh hasil dengan merantau ke tempat lain
- **D** mencapai sesuatu yang dihajati dengan mudah

LIVEWORKSHEETS